

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 25 NOVEMBER 2021**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 10 (A37)

Apakah status terkini Master Plan Kajian Dalam Inventori dalam Kawasan Bandar Maharani yang dilaksanakan oleh perunding UTHM untuk menangani masalah banjir dalam Bandar Daerah Muar?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, objektif kajian adalah bertujuan untuk menentukan dan menyediakan pangkalan data aset hidrologi/hidraulik di dalam kawasan lembangan yang telah ditentukan menggunakan teknologi dan aplikasi GIS. Selain itu, kajian ini dapat mengoptimumkan keberkesanan rangkaian infrastruktur yang sedia ada dengan cara yang dapat memenuhi keperluan masyarakat, dengan menyediakan model terkini, data dan maklumat banjir yang konsisten di seluruh kawasan kajian yang telah ditetapkan bagi membolehkan komuniti/pihak berkepentingan merancang dengan lebih baik dan mengurangkan kesan banjir pada masa hadapan.

Pihak UTHM telah mengemukakan "*Term of Reference (TOR)*" kajian bagi mengatasi masalah banjir dalam Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Muar khususnya kawasan bermula daripada laluan '*Muar By Pass*' sehingga ke kawasan Pusat Bandar dan perkara tersebut akan dimuktamadkan melalui peruntukan perbelanjaan pada tahun 2022.

Kos yang diperuntukkan adalah bagi menjalankan program-program penyelidikan, perundingan, pertukaran serta perkongsian maklumat dan libat sama komuniti dalam bidang teknologi lestari dengan berjumlah keseluruhan RM500,000.00 yang akan dibayar secara berperingkat mengikut kemajuan kerja sehingga Disember 2023.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 25 NOVEMBER 2021**

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 11 (A110)

Berapakah peratusan pencapaian KDNK negeri Johor dalam industri pertanian, perikanan dan ternakan?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengumumkan bahawa **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia meningkat sebanyak 16.1% tahun-ke-tahun pada suku kedua 2021 (S2 2021)**. Ini menunjukkan **trend pemulihan yang berterusan** berikutan penguncupan yang lebih kecil pada kadar 0.5% bagi suku sebelumnya (S1 2021), dan berbanding kemerosotan 3.4% pada suku keempat 2020 (S4 2020). Dari segi enam bulan pertama tahun ini, KDNK meningkat sebanyak 7.1%, berbanding penurunan 8.4% dalam tempoh yang sama pada tahun 2020.

Pertumbuhan S1 2021 ini didorong oleh pertumbuhan sektor pembuatan pada kadar 6.6% (S4 2020: 3.0%) dan sektor pertanian sebanyak 0.4% (S4 2020: -1.0%) dari tahun-ke-tahun. Secara keseluruhan, **kesemua sektor ekonomi negara telah menunjukkan tanda pemulihan melalui penguncupan tahunan yang lebih kecil berbanding suku tahunan sebelum ini** seperti sektor perlombongan dan pengkuarian sebanyak -5.0% (S4 2020: -10.4%), perkhidmatan sebanyak -2.3% (S4 2020: -4.8%), dan pembinaan sebanyak -10.4% (S4 2020: -13.9%).

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pertanian dalam Negeri Johor merupakan satu-satunya sektor yang tumbuh positif pada tahun 2020 apabila mencatatkan 3.1 peratus, iaitu sebanyak RM16.9 billion. Sektor tanaman menyumbang 69.4 peratus, sektor ternakan menyumbang 24.9 peratus dan sektor perikanan menyumbang 5.5 peratus.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 25 NOVEMBER 2021**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 12 (A41)

Apakah status terkini pelaksanaan e-PBT termasuk eKhidmat bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Satu perjanjian bagi pembangunan sistem e-PBT Negeri Johor (e-PBT) telah ditandatangani pada 01 Mac 2010 di antara Kerajaan Negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan dan MSC Cyberport Sdn Bhd (MSC Cyberport). Melalui perjanjian ini pihak MSC Cyberport telah dilantik sebagai vendor bagi membangunkan sistem e-PBT tersebut. Perakuan siap kerja bagi sistem e-PBT dipersetujui dan diperakukan pada 1 Januari 2015 dan 1 Julai 2016.

Tujuan pembangunan sistem e-PBT adalah bagi membolehkan pengurusan PBT dilaksanakan secara bersepadu dan lancar yang merangkumi modul taksiran, cukai, sewaan, sewa pelbagai, lesen, kompaun dan pengurusan kewangan. Sistem e-PBT telah diselaraskan dan diguna pakai secara seragam di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Sistem e-PBT sedia ada menyediakan 20 Modul seperti berikut:

- i. Modul Penilaian
- ii. Modul Cukai Harta
- iii. Modul Lesen
- iv. Modul Kompaun
- v. Modul Sewa Kekal
- vi. Modul Sewa Pelbagai
- vii. Modul Bil Pelbagai
- viii. Modul Kutipan Kaunter
- ix. Modul Pengurusan Kutipan
- x. Modul Pengurusan Akaun
- xi. Modul Pengurusan Nota Minta
- xii. Modul Pengurusan Pembelian
- xiii. Modul Pengurusan Bayaran
- xiv. Modul Wang Amanah
- xv. Modul Pengurusan Aset
- xvi. Portal Peranan
- xvii. ePBT Setting
- xviii. GL Post (Lejar)
- xix. EDDS (Dokumen)
- xx. Pelaporan SUK

Jumlah pembayaran yang telah dibayar oleh 14 PBT kepada MSC Cyberport daripada tahun 2015 sehingga bulan Jun 2021 adalah sebanyak RM14,964,550.00. Pecahan pembayaran oleh setiap PBT bagi system e-PBT adalah sebagaimana berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 25 NOVEMBER 2021**

**JUMLAH BAYARAN e-PBT DARI TAHUN 2015/2016 HINGGA 06/2021
PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR**

BIL	PBT	RM
1	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	2,385,000.00
2	MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	2,718,900.00
3	MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG	-
4	MAJLIS PERBANDARAN MUAR	678,400.00
5	MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	1,007,000.00
6	MAJLIS PERBANDARAN KLUANG	1,272,000.00
7	MAJLIS PERBANDARAN KULAI	2,003,400.00
8	MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT	954,000.00
9	MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG	-
10	MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN	755,250.00
11	MAJLIS DAERAH TANGKAK	755,250.00
12	MAJLIS DAERAH YONG PENG	551,200.00
13	MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM	445,200.00
14	MAJLIS DAERAH LABIS	466,400.00
15	MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	508,800.00
16	MAJLIS DAERAH MERSING	463,750.00
JUMLAH		14,964,550.00

(Nota: Perjanjian antara MBPG dan MPP dengan MSC Cyberport masih belum dimuktamadkan)

Lanjutan daripada Laporan Ketua Audit Negara, Kerajaan Negeri Johor telah disarankan untuk menyediakan satu perjanjian tambahan sistem e-PBT bagi tujuan menyelaraskan jadual pembayaran baharu berdasarkan tarikh perakuan siap kerja dan untuk memenuhi saranan penambahbaikan klausa perjanjian asal sistem e-PBT.

Sehubungan itu, satu draf perjanjian tambahan telah dibuat bagi menyelesaikan isu-isu berkenaan permintaan modul tambahan dalam sistem e-PBT yang asal serta penyelarasan hala tuju dan skop kerja bagi sistem e-PBT. Penyelarasan hala tuju ini perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan naik taraf sistem selepas tahun ke-6 berjalan dengan lancar di peringkat PBT. Draft perjanjian tambahan ini sedang dalam peringkat mendapatkan ulasan daripada semua PBT yang terlibat berhubung tawaran naik taraf modul-modul sedia ada yang

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 25 NOVEMBER 2021**

sedang digunapakai oleh PBT kepada versi e-PBT 3.0 dan modul-modul tambahan yang boleh dipilih bagi tujuan implementasi secara serentak dengan naik taraf sistem e-PBT 3.0.

Portal e-Khidmat telah dibangunkan MSC Cyberport pada tahun 2016. E-Khidmat adalah merupakan portal setempat bagi memudahkan orang awam membuat semakan dan pembayaran cukai, semakan dan pembayaran sewaan, permohonan lesen dan pembaharuan secara dalam talian melalui alamat <http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat>. Penggunaan aplikasi mobil ini lebih memudahkan urusan perkhidmatan atas talian, orang awam hanya muat turun aplikasi mobil dalam telefon pintar.

Portal e-Khidmat merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak MSC Cyberport kepada PBT yang berminat untuk digunapakai dan kos bagi perkhidmatan ini adalah RM20,000.00 bagi satu PBT dan setiap PBT dikenakan bayaran penyelenggaraan sebanyak RM1,500.00 setahun. Portal e-Khidmat ini adalah perkhidmatan yang berasingan dengan sistem e-PBT. Walau bagaimanapun, bagi PBT yang menggunakan e-Khidmat perkhidmatan ini akan diintegrasikan dalam e-PBT. Sehingga kini, sebanyak sepuluh (10) PBT di Negeri Johor yang telah menggunakan portal e-Khidmat iaitu MBBJ, MBIP, MBPG, MPKu, MPM, MPK, MPP, MPPn, MDT dan MDKT.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 25 NOVEMBER 2021**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 13 (A106)

Minta dinyatakan usaha dan strategi pihak kerajaan dalam menjalin kerjasama dan manfaat atas pihak syarikat telekomunikasi dan kerajaan negeri dalam membangunkan sektor pendidikan dan sektor ekonomi.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Di Pihak Kerajaan Pusat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), telah pun ada kerjasama dengan pihak syarikat telekomunikasi dalam membangunkan dan menaik taraf infrastruktur komunikasi serta jaringan internet bagi membantu sektor pendidikan dalam mengharungi pendidikan digital dan merencanakan sektor ekonomi digital.

Seperti yang diumumkan dalam belanjawan 2022, Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Peranti Siswa Keluarga Malaysia yang merupakan kerjasama di antara Kerajaan dan pihak syarikat telekomunikasi terlibat bagi membantu sektor pendidikan terutamanya golongan B40. Di bawah pakej ini, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM450 juta dan pihak syarikat telekomunikasi menyumbang kira-kira RM65 juta bagi menyediakan tablet kepada 600,000 pelajar B40 di institut pengajian tinggi. Sebelum ini, pihak Kerajaan dengan kerjasama syarikat telekomunikasi juga telah memperkenalkan program Jaringan PRIHATIN bagi membantu golongan B40 mendapatkan peranti dan pakej internet pada harga mampu milik yang baru sahaja tamat 30 September lalu.

Selain itu, usaha-usaha untuk memperluaskan infrastruktur digital termasuk di kawasan-kawasan sekolah, industri dan komuniti setempat turut giat dijalankan melalui Program Jalinan Digital Negara (JENDELA) melibatkan kos hampir 3 bilion untuk negeri Johor yang merupakan pelaburan bersama di antara Kerajaan dan pihak syarikat telekomunikasi. JENDELA yang dilaksanakan melalui 2 fasa, akan memasuki fasa kedua pada hujung tahun ini yang melibatkan peruntukan RM3.6 bilion. Setelah kedua-dua fasa JENDELA dilaksanakan sepenuhnya, hampir 4,400 titik kehadiran (POP/ menara komunikasi dan capaian gentian fiber optik) yang kebanyakannya berpusat di sekolah serta kawasan luar bandar akan memberi kualiti internet yang lebih stabil dengan kelajuan lebih baik.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah mengambil tindakan proaktif dalam membantu syarikat telekomunikasi dengan meluluskan 3 daripada 4 kertas dasar berkaitan infrastruktur digital dan pelaksanaan JENDELA yang dibawa oleh MCMC yang turut merupakan suara pihak syarikat telekomunikasi dan secara tidak langsung menjalinkan hubungan kerjasama erat di antara kerajaan negeri dan syarikat telekomunikasi melalui MCMC.

Tindakan lain yang pihak kerajaan negeri boleh ambil dalam menjalin kerjasama dengan syarikat telekomunikasi agar tidak ketinggalan berbanding negeri lain adalah dengan memberi insentif kepada syarikat telekomunikasi dengan membantu mengurangkan *cost of doing business* seperti mempermudah dan mempercepatkan kelulusan permohonan pembangunan infrastruktur digital serta menyelaraskan proses, dan caj-caj berkaitan pembangunan infrastruktur digital di negeri Johor yang secara langsung akan membantu sektor pendidikan dan sektor ekonomi.